



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 59**

**15hb Januari 2015**

**No. 2**

---

---

**No. 56.**

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948  
(Akta 92)

SUBORDINATE COURTS ACT 1948  
(Act 92)

PELANTIKAN MAJISTRET KELAS PERTAMA  
APPOINTMENT OF FIRST CLASS MAGISTRATE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 78 Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang, atas syor Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya, telah melantik Michelle Hoh Suhuey menjadi Majistret Kelas Pertama dalam dan bagi Negeri Pulau Pinang berkuat kuasa mulai 15 Mei 2014.

In exercise of the powers conferred by section 78 of the Subordinate Courts Act 1948 [*Act 92*], the Penang State Authority, on the recommendation of the Chief Judge of the High Court in Malaya, has appointed Michelle Hoh Suhuey to be a First Class Magistrate in and for the State of Penang with effect from 15 May 2014.

Bertarikh 11 November 2014

Dated 11 November 2014

[PSUKPP/(R)/01/1011/2 Klt. 4; PUNPP 352/100/1/2/EA/10]

VIJAYALAKCHIMI A/P SUBRAMANIAM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pulau Pinang/*  
*Clerk of*  
*State Executive Council*  
*Penang*

**No. 57.**

## PEMBATALAN PELANTIKAN MAJISTRET KELAS KEDUA

## REVOCATION OF APPOINTMENT OF SECOND CLASS MAGISTRATE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 79 Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang membatalkan pelantikan pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual sebagai Majistret Kelas Kedua dalam dan bagi Negeri Pulau Pinang sebagaimana yang telah disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dinyatakan dalam ruang (2).

In exercise of the powers conferred by section 79 of the Subordinate Courts 1948 [*Act 92*], the Penang State Authority revokes the appointment of the officers named in column (1) of the Schedule as Second Class Magistrate in and for the State of Penang as published in the *Gazette* of State of Penang specified in column (2).

## JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)
Sukri bin Ismail	<i>Warta</i> No. 56 bertarikh 16-3-2000
Abduliah bin Mokhtar	<i>Warta</i> No. 66 bertarikh 27-3-2003
Mohd Haikal bin Aris	<i>Warta</i> No. 711 bertarikh 30-9-2010
Shazali bin Ahmad	<i>Warta</i> No. 402 bertarikh 18-7-2013
Ahmad Nasir bin Abdullah	<i>Warta</i> No. 402 bertarikh 18-7-2013

Bertarikh 2 Disember 2014

Dated 2 December 2014

[PSUKPP/(R)/01/1011/2 Klt. 4; PUNPP 352/100/1/2/EA/10]

VIJAYALAKCHIMI A/P SUBRAMANIAM

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan*

*Pulau Pinang/*

*Clerk of*

*State Executive Council*

*Penang*

**No. 58.**

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI PULAU PINANG) 2004**

**ANGGARAN PENDAPATAN DAN BELANJAWAN  
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2015**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 82(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, meluluskan Anggaran Pendapatan dan Belanjawan tahun 2015 bagi Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang seperti yang dinyatakan dalam Jadual berikut:

JADUAL

ANGGARAN PENDAPATAN

	(RM)	(RM)
(a) Zakat Pulau Pinang	109,840,990.00	
(b) Bahagian Pentadbiran dan Kewangan	4,491,300.00	
(c) Bahagian Wakaf	3,456,231.00	
(d) Bahagian Sumber Am	4,117,850.00	
Jumlah Pendapatan		121,906,371.00

ANGGARAN BELANJAWAN

(a) Zakat Pulau Pinang	109,057,546.00	
(b) Bahagian Pentadbiran dan Kewangan	4,444,000.00	
(c) Bahagian Wakaf	2,883,887.00	
(d) Bahagian Sumber Am	5,355,580.00	
Jumlah Perbelanjaan		121,741,013.00
Lebihan/(Kurangan)		165,358.00

Diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 27 Oktober 2014

[MAINPP/01/06/17/2 Jld. 3(41); PUNPP352/100/1/2/EA/2 Jld. 3]

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

**No. 59.**

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN TUNGGAKAN SEWA

Kepada Honor Sendirian Berhad, yang beralamat di 48-C&D Jalan Sultan Ahmad Shah, 10050 Pulau Pinang, tuan punya tanah yang diperihalkan dalam ruangan pertama dan kedua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya sewa yang dikenakan bagi tanah tersebut dan yang genap masa berkenaan dengan tahun ini masih belum dibayar dan, mulai dari 1 Jun, adalah dalam tunggakan.

Kamu adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar \*di Pejabat Tanah daerah ini/di Tingkat 3, KOMTAR, Pulau Pinang segala jumlah wang yang sekarang genap masa sebagaimana yang dimasukkan dalam ruangan ketiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan ambil perhatian bahawa, jika \*jumlah daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah \*tanah berkenaan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN TUNGGAKAN

Jenis dan No. Hakmilik—GRN 34397. No. Lot—3965, Bandar Tg. Bungah, Daerah Timur Laut. Sewa Tahun ini—RM224.00. Tunggakan dari tahun-tahun yang lepas—RM2,240.00. Fee-fee, dan lain-lain yang dikenakan sebagai sewa—Denda Notis RM50.00, Denda Lewat RM2,114.00. Tunggakan Fee/Fee-fee—RM4,578.00. Jumlah kena dibayar—RM4,628.00.

Bertarikh 4 Disember 2014  
[PTTL/PP/UH/11/24/14]

AZIZI BIN ZAKARIA  
*Pentadbir Tanah*  
*Daerah Timur Laut*  
*Pulau Pinang*

**No. 60.**

(Seksyen 130)

NOTIS PENGEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah telah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—13, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. No. Lot—4331. Perihal dan No. Hakmilik—Geran Mukim No. 2013 (Hakmilik Lama—H.S.(M) 1606). Luas—1,199 meter persegi.

Bertarikh 23 Disember 2014  
[PTSPT/F/6A/13/2014]

HAJI JUSNI BIN HAJI ISMAIL  
*Pentadbir Tanah  
Seberang Perai Tengah  
Pulau Pinang*

**No. 61.**

(Seksyen 130)

NOTIS PENGEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah telah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—16, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. No. Lot—4459. Perihal dan No. Hakmilik—Geran 146337 (Hakmilik Lama—H.S.(D) 49876). Luas—1,394 meter persegi.

Bertarikh 23 Disember 2014  
[PTSPT/F/6A/6/2014]

HAJI JUSNI BIN HAJI ISMAIL  
*Pentadbir Tanah  
Seberang Perai Tengah  
Pulau Pinang*

**No. 62.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang.

JADUAL

Mukim—7, Daerah Seberang Perai Selatan. No. Lot—1355. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 770. Luas—181 meter persegi.

Bertarikh 11 Disember 2014  
[PTSPS/D/328/Lot 1355 Mk. 7 SPS]

NOR DIAH BINTI HAJI SULAIMAN  
*Pentadbir Tanah*  
*Seberang Perai Selatan*  
*Pulau Pinang*

**No. 63.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang hilang.

JADUAL

Mukim—1, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. No. Lot—1316. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 204. Luas—4704.4631 meter persegi.

Bertarikh 23 Disember 2014  
[PTSPU(D) 16/2013]

ROSNINA BINTI OTHMAN  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Seberang Perai Utara*  
*Pulau Pinang*

**No. 64.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang hilang.

JADUAL

Mukim—5, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. No. Lot—5903. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2872. Luas—0.204 hektar.

Bertarikh 23 Disember 2014  
[PTSPU(D) 16/2013]

ROSNINA BINTI OTHMAN  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Seberang Perai Utara  
Pulau Pinang*

**No. 65.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang hilang.

JADUAL

Mukim—8, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. No. Lot—3740. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2143. Luas—1.653 hektar.

Bertarikh 23 Disember 2014  
[PTSPU(D) 16/2013]

ROSNINA BINTI OTHMAN  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Seberang Perai Utara  
Pulau Pinang*

**No. 66.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran yang hilang (STRATA).

## JADUAL

Bandar—Georgetown, Daerah Timur Laut. Lot—1552, Seksyen 9W. Jenis dan No. Hakmilik—Geran 61302/M1/2/2 STRATA. Luas—65 meter persegi.

Bertarikh 24 Disember 2014

[PTG/PB/STRATA/SP/12/Jld. 11 Klt. 75]

ZURAIIDA BINTI ZAINOL

*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Pulau Pinang*

**No. 67.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran yang hilang (STRATA).

## JADUAL

Mukim—1, Daerah Seberang Perai Tengah. No. Lot—4055. Jenis dan No. Hakmilik—Pajakan Negeri 732/M1/2/16 STRATA. Luas—49 meter persegi.

Bertarikh 24 Disember 2014

[PTG/PB/STRATA/SP/12/Jld. 11 Klt. 76]

ZURAIIDA BINTI ZAINOL

*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Pulau Pinang*



**No. 68.**

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
DOKUMEN HAKMILIK SEMENTARA BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan suratan hakmilik keluaran yang telah hilang.

JADUAL

Mukim—9, Daerah Seberang Perai Tengah. No. Lot—675. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 767. Luas—371.6 meter persegi.

Bertarikh 23 Disember 2014  
[PTSPT/D/100-1/6/1(25)]

OOI BENG GUEK  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Seberang Perai Tengah  
Bukit Mertajam  
Pulau Pinang*

**No. 69.**

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
DOKUMEN HAKMILIK SEMENTARA BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan suratan hakmilik keluaran yang hilang.

JADUAL

Mukim—9, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. No. Lotr—2090. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 396. Luas—242.0 meter persegi.

Bertarikh 23 Disember 2014  
[PTSPU(D) 16/2013]

ROSNINA BINTI OTHMAN  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Seberang Perai Utara  
Pulau Pinang*

**No. 70.**

(Seksyen 261)

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Manickam a/l Menandi, yang beralamat di 6 Jalan Bunga Matahari, Taman Kerian, 34200 Parit Buntar, Perak, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jualan dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan pada 23 Februari 2015 pukul 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—14, Seberang Perai Selatan. No. Lot—2683. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 726. Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 0703SC2002000067.

Bertarikh 23 Disember 2014  
[0703AUC2014000036]

SHAARI BIN HUSSAIN  
*Pentadbir Tanah*  
*Seberang Perai Selatan*  
*Pulau Pinang*

**No. 71.**

[Perenggan 261(1)(c)]

## SAMAN

Di Pejabat Daerah dan Tanah, Barat Daya, Pulau Pinang.

## DI ANTARA

RHB BANK BERHAD

Pemegang Gadaian

## DAN

SHAHRIL RIZA BIN MAT SAAD  
NURUL NAZRAH BINTI ISMAIL

Penggadai-penggadai

Yang beralamat di C-4-22 Taman Gertak Sanggul, Jalan Gertak Sanggul, 11920 Pulau Pinang dan/atau 62 Kampung Seberang, Pulau Ketam, 02000 Kuala Perlis, Perlis.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas tanah/tanah-tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 5 Februari 2015 jam 3.00 petang di Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Barat Daya. Tuan/puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan perintah jualan dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—9, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. No. Lot—1790, Bangunan M2, Tingkat 5, Petak 275. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 824/M2/5/275. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 0705SC2007001861.

Bertarikh 22 Disember 2014  
[0705AUC2014000033]

FARAH FIRDAUS BINTI MOHD SHARIFF  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Daerah Barat Daya*  
*Pulau Pinang*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA